

Versi 4.0 Tahun 2018



**MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN  
PROGRAM MIKRO *PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP*  
(MIKRO PPP)  
(Versi 4.0 Tahun 2018)**

**(UNTUK KEGUNAAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI)**

**UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**KANDUNGAN**

<u>PERKARA</u>	<u>MUKASURAT</u>
1. PENGENALAN	1 - 2
2. PROGRAM DANA MIKRO	
2.1 OBJEKTIF	3
2.2 KAEDAH DAN SKOP PEMBIAYAAN	3
2.3 KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN	3 - 4
2.4 KAEDAH PERMOHONAN	4
2.5 KELULUSAN DAN PENYALURAN DANA	4 - 6
3. PROGRAM <i>HOMESTAY</i> RUMAH PANJANG DI SABAH DAN SARAWAK	
3.1 OBJEKTIF	6
3.2 KAEDAH DAN SKOP PEMBIAYAAN	6 - 7
3.3 KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN	7 - 8
3.4 KAEDAH PERMOHONAN	8
3.5 KELULUSAN DAN PENYALURAN DANA	8 - 9
4. PROGRAM DANA SOSIAL	
4.1 OBJEKTIF	9
4.2 KAEDAH DAN SKOP PEMBIAYAAN	10
4.3 KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN	11 - 12

4.4	KAEDAH PERMOHONAN	12
4.5	KELULUSAN DAN PENYALURAN PERUNTUKAN	12
5.	<b>PROGRAM PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR BERSKALA KECIL</b>	
5.1	OBJEKTIF	13
5.2	KAEDAH DAN SKOP PEMBIAYAAN	13 - 14
5.3	KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN	14
5.4	KAEDAH PERMOHONAN	14
5.5	KELULUSAN DAN PENYALURAN PERUNTUKAN	15
6.	<b>PEMAKAIAN UMUM</b>	
6.1	PENYEDIAAN SOP DAN TATACARA PENYALURAN DANA	15
6.2	TANGGUNGJAWAB AGENSI PELAKSANA/AIM	15 - 16
6.3	LAPORAN	16
6.4	DOKUMEN	17
6.5	PENGECUALIAN	17
6.6	KETERSEDIAAN DANA	17
6.7	KAJIAN SEMULA DAN PINDAAN	17
6.8	TARIKH KUATKUASA	17
6.9	PEMBATALAN	18
6.10	PERMOHONAN	18
6.11	PERTANYAAN	18

## 1. PENGENALAN

1.1 Selaras dengan inisiatif Strategi Lautan Biru Negara ('NBOS'), Kerajaan telah memperkenalkan Program Mikro *Public Private Partnership* ('Program Mikro PPP') yang terdiri daripada empat komponen ('Program') seperti yang berikut:

- (a) Program Dana Mikro yang bertujuan untuk membantu usahawan yang menjalankan perusahaan mikro membangunkan perniagaan mereka. Perusahaan mikro adalah sebagaimana yang didefinisikan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan ('MPPK') iaitu perniagaan yang mana jualan tahunan kurang daripada RM300,000.00 setahun ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 5 orang<sup>1</sup>;
- (b) Program *Homestay* Rumah Panjang di Sabah dan Sarawak yang bertujuan untuk menambahbaik dan meningkatkan kemudahan di *homestay* rumah panjang sedia ada;
- (c) Program Dana Sosial yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan sosial melalui pelaksanaan program perkhidmatan yang pantas dengan kos yang rendah serta berkeupayaan mengurangkan kos perkhidmatan sosial oleh Kerajaan; dan
- (d) Program Pembangunan Infrastruktur Berskala Kecil yang bertujuan menyediakan infrastruktur asas terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman di samping meningkatkan jaringan kemudahan perhubungan jalan darat.

---

<sup>1</sup> Seperti yang ditakrifkan dalam Garis Panduan Bagi Definisi Baharu PKS yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia, Sekretariat bagi MPPK bertarikh Oktober 2013 (kemas kini Ogos 2016).

- 1.2 Kerajaan telah memperuntukkan dana sebanyak RM300 juta ('dana tersebut') untuk melaksanakan Program Mikro PPP. Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri ('UKAS') bertanggungjawab bagi membuat penyaluran dana tersebut kepada Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat ('Agensi Pelaksana') setelah dana tersebut diluluskan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta ('JKAS'). Keahlian Mesyuarat JKAS adalah seperti yang berikut:
- (a) UKAS - Pengerusi dan Urus Setia;
  - (b) Kementerian Kewangan;
  - (c) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri ('EPU, JPM');
  - (d) Jabatan Peguam Negara; dan
  - (e) wakil Kementerian/Jabatan/Agensi lain yang dijemput untuk menghadiri mesyuarat mengikut keperluan.
- 1.3 JKAS berhak untuk mengundang mana-mana pihak untuk menghadiri mesyuarat JKAS bagi maksud memberi pandangan dan nasihat tentang permohonan yang dinilai. Pandangan pihak tersebut boleh dipertimbangkan tetapi JKAS adalah tidak terikat dengan pandangan pihak tersebut dalam membuat sebarang keputusan berhubung permohonan yang dinilai.
- 1.4 Penyaluran dana tersebut kepada Agensi Pelaksana yang dilantik adalah tertakluk kepada prosedur kewangan Kerajaan.
- 1.5 JKAS berhak untuk membuat sebarang keputusan berkenaan dasar Program Mikro PPP termasuklah untuk menanggungkan atau menghentikan mana-mana Program atau mana-mana bahagian Program.

## **2. PROGRAM DANA MIKRO**

### **2.1 OBJEKTIF**

Program ini bertujuan untuk membantu usahawan perusahaan mikro merentasi semua sektor perusahaan untuk membangunkan perniagaan yang mempunyai *touch point* kepada rakyat dan melahirkan usahawan yang berdaya saing.

### **2.2 KAEDAH DAN SKOP PEMBIAYAAN**

2.2.1 Penyaluran dana akan dibuat kepada Agensi Pelaksana melalui penyaluran geran.

2.2.2 Agensi Pelaksana akan menyalurkan dana bagi Program Dana Mikro kepada penerima secara pinjaman tanpa faedah.

2.2.3 Had maksimum pembiayaan di bawah program ini adalah **RM50,000.00** bagi setiap penerima.

### **2.3 KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN**

2.3.1 Pemohon yang layak dipertimbangkan bagi program ini adalah usahawan perusahaan mikro sepertimana yang ditetapkan di bawah *Standard Operating Procedure* ('SOP') dan mengikut tatacara yang ditentukan oleh Agensi Pelaksana. Keutamaan hendaklah diberikan kepada kategori pemohon seperti yang berikut:

- (a) ibu/bapa tunggal;
- (b) veteran Angkatan Tentera Malaysia; atau
- (c) penjaja.

2.3.2 Syarat-syarat permohonan bagi Program Dana Mikro adalah seperti yang berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang 18 tahun;
- (c) perniagaan telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana badan berkanun yang berkenaan bagi pembekalan perkhidmatan (jika berkaitan);
- (d) jualan perniagaan kurang daripada RM300,000.00 setahun ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 5 orang; dan
- (e) tidak pernah mendapat pembiayaan Program Dana Mikro PPP daripada mana-mana Agensi yang berkaitan dan pemohon hendaklah mengisytiharkan bahawa mereka tidak pernah mendapat pembiayaan tersebut.<sup>2</sup>

## **2.4 KAEDAH PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Agensi Pelaksana mengikut SOP dan tatacara yang ditentukan oleh Agensi Pelaksana selaras dengan Garis Panduan Mikro PPP versi 3.0 tahun 2017.

## **2.5 KELULUSAN DAN PENYALURAN DANA**

2.5.1 Prosedur kelulusan dana bagi Program Dana Mikro adalah seperti yang berikut:

---

<sup>2</sup> Pemohon masih boleh memohon untuk mendapatkan pembiayaan dana bagi program di bawah Dana Mikro PPP daripada Agensi Pelaksana yang sama tertakluk kepada had maksima pembiayaan.

- (a) Agensi Pelaksana mengemukakan permohonan dana kepada UKAS;
  - (b) permohonan Agensi Pelaksana akan dibentangkan dalam mesyuarat JKAS untuk kelulusan; dan
  - (c) setelah kelulusan Mesyuarat JKAS diperoleh, kertas perakuan penyaluran dana akan disediakan untuk pertimbangan Ketua Pengarah UKAS. Setelah kelulusan diperoleh, sub-waran akan dikeluarkan kepada Agensi Pelaksana bagi penyaluran dana.
- 2.5.2 Agensi Pelaksana boleh melantik mana-mana institusi kewangan berlesen dan agensi perkhidmatan kewangan (*financial services agency*) sebagai pentadbir dana untuk mentadbir dana ('Pentadbir Dana') di bawah Program ini. Satu perjanjian hendaklah ditandatangani antara Agensi Pelaksana dan Pentadbir Dana.
- 2.5.3 Kos perkhidmatan (caj pentadbiran) yang dikenakan oleh Pentadbir Dana bagi penyaluran pembiayaan program adalah tidak lebih daripada 2.5% setahun daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan bagi setiap peminjam dan caj pentadbiran akan mengguna pakai peruntukan Program Dana Mikro.
- 2.5.4 Satu perjanjian hendaklah ditandatangani antara Agensi Pelaksana atau Pentadbir Dana dengan peminjam bagi tujuan penyaluran dana Program Dana Mikro PPP kepada peminjam.
- 2.5.5 Peruntukan dana bagi program Dana Mikro merupakan *revolving fund* dan perlu dikembalikan oleh Agensi Pelaksana kepada Kerajaan sekiranya program ini ditamatkan oleh Kerajaan.
- 2.5.6 Agensi Pelaksana atau Pentadbir Dana hendaklah memastikan peminjam membayar balik pembiayaan yang diberikan berdasarkan perjanjian yang ditandatangani.



2.5.7 Kutipan bayaran balik pembiayaan boleh digunakan sebagai bayaran caj pentadbiran serta digunakan semula bagi tujuan pembiayaan.

### **3. PROGRAM *HOMESTAY* RUMAH PANJANG DI SABAH DAN SARAWAK**

#### **3.1 OBJEKTIF**

3.1.1 Program ini bertujuan untuk membantu penduduk luar bandar khususnya penduduk rumah panjang di Sabah dan Sarawak menjana pendapatan sampingan, sekaligus dapat mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan tegar. Di samping itu, program ini dapat membangunkan persekitaran rumah panjang serta dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

3.1.2 Program ini dijangka dapat membangunkan beberapa produk pelancongan baru dan menjana pendapatan bagi hampir 1,000 penghuni rumah panjang dan membantu meningkatkan jumlah pelancong ke Sabah dan Sarawak.

#### **3.2 KAEDAH DAN SKOP PEMBIAYAAN**

3.2.1 Penyaluran dana akan dibuat kepada Agensi Pelaksana yang akan memantau projek bagi program ini mengikut skop yang ditetapkan. Penyaluran dana dibuat berdasarkan unjuran kemajuan Projek tersebut.

3.2.2 Had maksimum pembiayaan di bawah program ini bagi setiap rumah panjang adalah sehingga **RM5,000,000.00**.

3.2.3 Program yang akan dijalankan adalah menambah baik dan meningkatkan kemudahan *homestay* rumah panjang sedia ada. Ianya meliputi perkara-perkara seperti membaiki ruai rumah panjang, bilik air, bilik tetamu, kemudahan infrastruktur landskap, jambatan/jalan masuk ke rumah

panjang, membina pintu gerbang serta dewan komuniti bagi tujuan acara-acara keramaian;

3.2.4 Skop pembiayaan merangkumi aspek pembangunan serta penambahbaikan kemudahan-kemudahan di rumah panjang seperti yang berikut:

- (a) bilik-bilik tidur, ruang tamu, ruang makan dan bilik air;
- (b) pendawaian elektrik;
- (c) saliran dan perparitan;
- (d) ruang orang ramai seperti ruai rumah panjang;
- (e) dewan aktiviti orang ramai;
- (f) tempat letak kereta awam serta tandas awam;
- (g) struktur rumah panjang (tiang, bumbung dan dinding);
- (h) jalan masuk ke rumah panjang;
- (i) pengindahan serta keceriaan rumah panjang;
- (j) pintu gerbang;
- (k) kawasan tarikan pelancongan berdekatan rumah panjang; dan
- (l) lain-lain kemudahan yang diluluskan oleh JKAS.

### **3.3 KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN**

Syarat-syarat permohonan bagi Program *Homestay* Rumah Panjang sebagai *homestay* adalah seperti yang berikut:

- (a) pemohon merupakan warganegara Malaysia;
- (b) rumah panjang perlu berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dan/atau Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak untuk menjalankan operasi *homestay*;

- (c) rumah panjang mempunyai daya tarikan serta produk-produk pelancongan;
- (d) mempunyai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang disediakan;
- (e) mematuhi syarat-syarat pembangunan *homestay* Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dan/atau Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak; dan
- (f) pemohon tidak pernah mendapat apa-apa pembiayaan daripada mana-mana Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan atau Kerajaan Negeri yang berkaitan dengan penambahbaikan *Homestay* Rumah Panjang dan pemohon hendaklah mengisytiharkan bahawa mereka tidak pernah mendapat pembiayaan tersebut.

### **3.4 KAEDAH PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, atau Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak.

### **3.5 KELULUSAN DAN PENYALURAN DANA**

Prosedur kelulusan adalah seperti yang berikut:

- (a) Jawatankuasa Teknikal yang diketuai oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia akan ditubuhkan untuk membuat pemilihan dan penilaian berdasarkan kepada syarat-syarat<sup>3</sup> yang telah ditetapkan;

---

<sup>3</sup> SOP dan tatacara yang perlu disediakan oleh Agensi Pelaksana seperti di perenggan 6.1 hendaklah memperuntukkan tatacara pelantikan kontraktor yang akan dilantik untuk melaksanakan kerja serta tatacara pembayaran.

- (b) perakuan oleh Jawatankuasa Teknikal akan dibentangkan dalam Mesyuarat JKAS untuk kelulusan; dan
- (c) setelah kelulusan Mesyuarat JKAS diperoleh, kertas perakuan penyaluran dana akan disediakan untuk pertimbangan Ketua Pengarah UKAS. Setelah kelulusan diperoleh, sub-waran akan dikeluarkan kepada Agensi Pelaksana bagi penyaluran dana.

#### **4. PROGRAM DANA SOSIAL**

##### **4.1 OBJEKTIF**

Program ini bertujuan untuk memberi pembiayaan –

- (a) kepada Agensi Pelaksana yang diluluskan oleh JKAS bagi program pembangunan kapasiti termasuk, peningkatan kemahiran sumber manusia dan pembangunan infrastruktur serta peralatan dalam pelbagai bidang keusahawanan dan pertanian.
- (b) bagi projek intervensi sosial yang dilaksanakan secara efektif dan inovatif oleh organisasi berasaskan sosial atau Agensi Pelaksana yang diluluskan oleh JKAS yang boleh memberi manfaat kepada golongan sasar. Keutamaan akan diberikan kepada projek-projek intervensi sosial yang memberi impak sosial yang positif; dan

## 4.2 KAEDAH DAN SKOP PEMBIAYAAN

4.2.1 Kaedah pelaksanaan program ini adalah secara –

- (a) penyaluran geran kepada Agensi Pelaksana yang diluluskan oleh JKAS; atau
- (b) penyaluran geran kepada Agensi Inovasi Malaysia ('AIM') melalui Jabatan Perdana Menteri ('JPM') bagi menjalankan program yang disyorkan oleh Jawatankuasa Impak Sosial ('JIS') yang melapor kepada Majlis Tadbir Urus AIM. Skop pembiayaan adalah melalui sumbangan geran pepadanan dengan nisbah 50:50 antara pihak swasta dan/atau organisasi berasaskan sosial dan Kerajaan (selepas ini dirujuk sebagai '*Matching Grant*').

4.2.2 Penyaluran Geran kepada AIM melalui *Matching Grant* hendaklah dibuat bagi tujuan pelaksanaan program seperti yang berikut:

- (a) reka bentuk, pembangunan dan pelaksanaan projek-projek intervensi sosial;
- (b) pengukuran impak bagi projek-projek intervensi sosial;
- (c) pembangunan kapasiti atau peningkatan kemahiran sumber manusia bagi organisasi berasaskan sektor sosial;
- (d) kerjasama pelbagai sektor atau organisasi berteraskan sosial; atau
- (e) lain-lain bidang sosial yang dicadangkan oleh JIS, AIM dan diluluskan oleh JKAS.

### 4.3 KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN

4.3.1 Keutamaan bagi pembiayaan yang dikendalikan oleh Agensi Pelaksana adalah bagi projek yang memberi peluang dan manfaat ekonomi kepada penduduk luar bandar.

4.3.2 Keutamaan bagi pembiayaan yang dikendalikan oleh AIM secara *Matching Grant* akan diberikan kepada permohonan projek-projek sosial seperti yang berikut:

- (a) projek yang memberi manfaat kepada rakyat, terutamanya golongan isi rumah berpendapatan 40% yang terendah (B40);
- (b) projek baharu yang inovatif yang menggunakan konsep-konsep NBOS;
- (c) projek sedia ada yang mempunyai rekod keberkesanan atau kecemerlangan bagi tujuan peluasan pelaksanaan di kawasan-kawasan yang lain; dan/atau
- (d) projek yang mempunyai kepentingan nasional.

4.3.3 Syarat-syarat permohonan bagi Program Dana Sosial adalah seperti yang berikut:

- (a) bagi pembiayaan yang dikendalikan oleh Agensi Pelaksana yang diluluskan oleh JKAS, program yang akan dilaksanakan hendaklah berorientasikan pembangunan kapasiti dalam erti kata perenggan 4.1 (b) di atas; atau

- (b) bagi pembiayaan yang dikendalikan oleh AIM –
  - (i) pemohon hendaklah organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia/Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia/mempunyai lesen Pihak Berkuasa Tempatan (jika berkaitan)/sama ada daripada sektor swasta atau sosial; dan
  - (ii) program intervensi sosial mesti dilaksanakan dalam tempoh masa minimum selama enam (6) bulan dan maksimum selama dua belas (12) bulan.

#### **4.4 KAEDAH PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Agensi Pelaksana/AIM mengikut SOP dan tatacara yang ditentukan oleh Agensi Pelaksana/AIM selaras dengan Garis Panduan Mikro PPP versi 3.0 tahun 2017.

#### **4.5 KELULUSAN DAN PENYALURAN DANA**

4.5.1 Prosedur kelulusan Dana Sosial adalah seperti yang berikut:

- (a) Agensi Pelaksana/AIM akan mengemukakan permohonan keperluan dana kepada UKAS;
- (b) permohonan Agensi Pelaksana/AIM akan dibentangkan dalam Mesyuarat JKAS untuk kelulusan; dan
- (c) setelah kelulusan Mesyuarat JKAS diperoleh, kertas perakuan penyaluran dana akan disediakan untuk pertimbangan Ketua Pengarah UKAS. Setelah kelulusan diperoleh, sub-waran akan dikeluarkan kepada Agensi Pelaksana/AIM bagi penyaluran dana.

## **5. PROGRAM PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR BERSKALA KECIL**

### **5.1 OBJEKTIF**

Program ini bertujuan menyediakan kemudahan infrastruktur asas berskala kecil untuk kegunaan penduduk luar bandar terutamanya bagi penduduk di kawasan pedalaman (*less developed areas*) di samping meningkatkan jaringan kemudahan perhubungan jalan darat untuk membuka ruang bagi menjana pendapatan.

### **5.2 KAEDAH DAN SKOP PEMBIAYAAN**

5.2.1 Penyaluran dana akan dibuat kepada Agensi Pelaksana yang akan memantau operasi kawasan projek mengikut unjuran kemajuan projek tersebut.

5.2.2 Skop pembiayaan merangkumi aspek pembangunan serta penambahbaikan kemudahan-kemudahan perhubungan seperti yang berikut:

- (a) menaik taraf jalan tanah merah di kawasan luar bandar kepada jalan kampung;
- (b) menurap jalan tanah merah dengan batu kerikil atau tar;
- (c) membina atau menaik taraf jambatan di kawasan pedalaman bagi memudahkan perhubungan darat;
- (d) membina dewan komuniti/dewan orang ramai; dan
- (e) lain-lain kemudahan yang diluluskan oleh JKAS.



- 5.2.3 Had maksimum pembiayaan di bawah program ini ialah **RM5,000,000.00** bagi setiap projek. Walau bagaimanapun, had maksimum tersebut adalah tertakluk kepada keputusan JKAS.

### **5.3 KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN**

Syarat-syarat permohonan bagi Program Pembangunan Infrastruktur Berskala Kecil adalah seperti yang berikut:

- (a) kawasan luar bandar khususnya kawasan pedalaman;
- (b) infrastruktur yang dicadangkan hendaklah mendapat perakuan Unit Perancang Ekonomi Negeri ('UPEN')/Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan ('ICU')/Unit Pemantauan Projek-Projek di Negeri; dan
- (c) program pembangunan infrastruktur yang dicadangkan hendaklah dilaksanakan dengan jangkamasa yang optimum dengan kadar kos yang rendah serta memberi impak kepada penduduk.

### **5.4 KAEDAH PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada UPEN/ICU/Unit Pemantauan Projek-Projek di Negeri/UKAS mengikut SOP dan tatacara yang ditentukan oleh Agensi Pelaksana selaras dengan Garis Panduan Mikro PPP versi 4.0 tahun 2018.

## **5.5 KELULUSAN DAN PENYALURAN PERUNTUKAN**

Prosedur kelulusan adalah seperti yang berikut:

- (a) Agensi Pelaksana akan mengemukakan permohonan dana kepada UKAS berdasarkan perakuan daripada UPEN/ICU/Unit Pemantauan Projek-Projek di Negeri berhubung keperluan pembangunan infrastruktur;
- (b) permohonan Agensi Pelaksana akan dibentangkan dalam Mesyuarat JKAS untuk kelulusan; dan
- (c) setelah kelulusan Mesyuarat JKAS diperoleh, kertas perakuan penyaluran dana akan disediakan untuk pertimbangan Ketua Pengarah UKAS. Setelah kelulusan diperoleh, sub-waran akan dikeluarkan kepada Agensi Pelaksana bagi penyaluran dana.

## **6. PEMAKAIAN UMUM**

### **6.1 PENYEDIAAN SOP DAN TATACARA PENYALURAN DANA**

UKAS akan menyalur peruntukan bagi pelaksanaan program Mikro PPP oleh Agensi Pelaksana/AIM. Agensi Pelaksana/AIM hendaklah menyediakan SOP atau tatacara yang selaras dengan Garis Panduan ini untuk diguna pakai dalam penyaluran dana.

### **6.2 TANGGUNGJAWAB AGENSI PELAKSANA/AIM**

Tanggungjawab Agensi Pelaksana dan/atau AIM adalah seperti yang berikut:

- (a) memastikan bahawa projek dilaksanakan mengikut skop dan tatacara yang telah ditetapkan;
- (b) mengesahkan laporan kemajuan projek sebelum penyaluran dana dibuat kepada peminjam atau kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan projek (jika berkaitan);
- (c) memantau pelaksanaan projek (setiap bulan), pengagihan dana dan kutipan balik pinjaman serta mengemukakan laporan bertulis dan/atau laporan bergambar secara suku tahunan kepada UKAS untuk tujuan rekod;
- (d) bagi pemberian pembiayaan untuk peralatan<sup>4</sup> Agensi Pelaksana adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua aspek pemantauan peralatan yang berkenaan; dan
- (e) menjalankan kajian impak setiap tiga (3) tahun sekali dan laporan kajian impak tersebut hendaklah dikemukakan kepada UKAS untuk tujuan rekod.

### 6.3 LAPORAN

Agensi Pelaksana dan AIM hendaklah mengemukakan laporan bertulis dan/atau laporan bergambar secara suku tahunan kepada UKAS untuk tujuan rekod dan pelaporan kepada Mesyuarat *Pre-NBOS Summit* dan Mesyuarat *NBOS Summit*, sekiranya perlu.

---

<sup>4</sup> Sebarang perkiraan berhubung pinjaman/penyediaan peralatan adalah dibawah tanggungjawab Agensi Pelaksana.

#### **6.4 DOKUMEN**

Agensi Pelaksana dan AIM hendaklah memastikan apa-apa dokumen dan rekod berkenaan dana yang disalurkan termasuk akaun dana adalah teratur dan disimpan bagi tujuan audit.

#### **6.5 PENGECUALIAN**

Jumlah dana yang akan disalurkan kepada Agensi Pelaksana dan AIM adalah tertakluk kepada ketersediaan peruntukan atau yang diarahkan oleh YAB Perdana Menteri/Mesyuarat NBOS *Pre-Summit*/Mesyuarat NBOS *Summit* dari semasa ke semasa.

#### **6.6 KETERSEDIAAN DANA**

Jumlah dana yang akan disalurkan kepada Agensi Pelaksana dan AIM adalah berdasarkan kepada keperluan pada masa permohonan dibuat dan adalah tertakluk kepada prestasi perbelanjaan semasa serta ketersediaan dana.

#### **6.7 KAJIAN SEMULA DAN PINDAAN**

Kerajaan berhak untuk mengkaji semula dan meminda Garis Panduan ini dari semasa ke semasa.

#### **6.8 TARIKH KUATKUASA**

Garis Panduan Program Mikro PPP versi 4.0 tahun 2018 berkuat kuasa mulai 23 Januari 2018.

## **6.9 PEMBATALAN**

Dengan berkuat kuasanya Garis Panduan Program Mikro PPP versi 4.0 tahun 2018 ini, maka Garis Panduan Program Mikro PPP versi 3.0 tahun 2017 adalah dibatalkan.

## **6.10 PERMOHONAN**

6.10.1 Permohonan yang lengkap daripada Agensi Pelaksana/AIM hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah  
Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 14, Blok Menara  
Menara Usahawan  
Persiaran Perdana, Presint 2  
**62562 PUTRAJAYA**

6.10.2 Semua keputusan Kerajaan berkenaan permohonan Program Mikro PPP adalah muktamad.

## **6.11 PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan berkenaan Garis Panduan ini hendaklah diajukan ke talian: 03-8880 5839, faks: 03-8880 5904 atau e-mel: [dasar@ukas.gov.my](mailto:dasar@ukas.gov.my).